

04 JUN 2002

Mahathir-Lawat/I

DR MAHATHIR DI VATICAN CITY, SWITZERLAND DAN LUXEMBOURG 7-13 JUN

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan berlepas malam esok bagi mengadakan lawatan kerja ke Rom mulai 6 hingga 8 Jun sebelum melakukan lawatan rasmi ke Switzerland dan Luxembourg masing-masing mulai 9 hingga 11 Jun dan dari 11 hingga 13 Jun.

Menurut satu kenyataan Wisma Putra, Perdana Menteri akan diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, beberapa orang menteri kabinet, pegawai kanan kerajaan dan serombongan ahli perniagaan.

Di Vatican City, pusat pentadbiran Roman Katolik, Dr Mahathir akan berjumpa Pope John Paul II dan lain-lain anggota kerajaan pentadbirannya, Holy See.

Pada perjumpaan julung kali itu, Perdana Menteri dan Pope dijangka berbincang mengenai isu kepentingan bersama, seperti keganasan, konflik Palestin-Israel dan dialog budaya antara Islam dan Kristian.

Menurut Wisma Putra, oleh sebab Malaysia dan Holy See belum lagi mewujudkan hubungan diplomatik, maka pertemuan pertama kali itu akan menjadi tanda permulaan kepada hubungan lebih erat antara Kuala Lumpur dan Vatican.

Adalah dijangkakan, lawatan Dr Mahathir akan memberi dorongan kepada hubungan dua hala yang lebih erat antara dua kerajaan berkenaan di masa depan dan mewujudkan persefahaman lebih baik antara Islam dan Kristian serta kerjasama dalam menyelesaikan konflik antara agama.

Semasa di Rom, Perdana Menteri yang juga diiringi Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan Datuk Dr Ismail Ibrahim serta pendakwah bebas, Uthman Mohamadi, akan turut melawat dan bersembahyang Jumaat di Pusat Kebudayaan Islam yang juga dikenali sebagai Masjid Rom.

Dalam lawatan rasminya ke Switzerland pula, Dr Mahathir akan berada di Berne dan beliau dijadual mengadakan perjumpaan terhad dengan Presiden Persekutuan Swiss Kaspar Villiger.

Ini akan diikuti dengan mesyuarat dua hala delegasi, dengan kedua-dua pemimpin dijangka bertukar pendapat mengenai isu kepentingan bersama dua hala, serantau dan antarabangsa.

Perdana Menteri juga dijadual melawat kemudahan Sauber Petronas di Hinwill.

Di Zurich, Dr Mahathir akan bertemu para ahli kewangan terpilih dan menghadiri majlis makan malam yang diraikan Lukas Muhlemann, ketua pegawai eksekutif Credit Suisse.

Menurut Wisma Putra, Perdana Menteri juga bersetuju untuk berucap pada Persidangan Buruh Antarabangsa Sessi ke-90 pada 11 Jun di Geneva dan selepas itu beliau akan ke Luxembourg untuk lawatan rasmi tiga hari, yang pertama kali dilakukan Perdana Menteri Malaysia.

Beliau dijadual mengadakan perjumpaan dua hala dengan Perdana Menteri Jean-Claude Juncker dan Presiden Dewan Timbalan Jean Spautz.

Menurut kenyataan itu, perjumpaan dengan rakan sejawatannya di Luxembourg akan membolehkan Dr Mahathir untuk mengukuhkan lagi hubungan erat politik, ekonomi dan perdagangan antara kedua-dua negara.

Kedua-dua pemimpin juga dijangka membincangkan isu kepentingan bersama serantau dan semasa antarabangsa seperti globalisasi, keganasan dan proses damai Asia Barat.

Lawatan Dr Mahathir itu juga akan mewujudkan peluang untuk merangsang hubungan ekonomi dua hala Malaysia-Luxembourg ke tahap lebih tinggi, lebih-lebih lagi Luxembourg merupakan pusat kewangan terkemuka di Eropah,

menjadi tuan rumah kepada lebih 200 buah bank dan kira-kira 1,500 dana pelaburan.

Perdana Menteri juga akan melihat sendiri kilang Elektronik dan Kejuruteraan Antarabangsa (IEE) yang telah muncul sebagai peneraju global dalam teknologi sensing terutama dalam bidang keselamatan pasif aplikasi automotif.

-- BERNAMA

MFJ MFJ HM RON